

Tak pernah lantik SCIB buat kerja DBKL

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menafikan laporan media yang mengatakan pihaknya melantik Sarawak Consolidated Industries Bhd (SCIB) untuk melaksanakan apa-apa kerja bagi pihak DBKL.

“DBKL tidak pernah memberi kebenaran kepada mana-mana pihak bagi melantik SCIB atau mana-mana anak syarikatnya untuk melaksanakan apa-apa kerja bagi pihak DBKL,” menurutnya dalam satu kenyataan.

Sebelum ini media melaporkan SCIB melalui anak syarikat milik sepenuhnya, SCIB Properties Sdn Bhd,

menerima surat lantikan bagi kontrak kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan dan pengoperasian (EPCC) bernilai RM30.75 juta daripada Ennova Sdn Bhd membabitkan penggantian 200 unit tiang lampu di Lembah Klang untuk DBKL.

Perkhidmatan kejuruteraan projek untuk penggantian tiang lampu pintar bersepadu DBKL itu dijangka bermula pada bulan ini dan berakhir pada Mei 2023.

Perkara itu mencetuskan komen beberapa pihak yang mempertikaikan nilai kontrak yang disifatkan tidak sepadan dengan kerja pembinaan yang dinyatakan dan

meminta penjelasan DBKL berhubung perkara itu.

Menurut kenyataan itu, setakat ini DBKL melantik secara berperingkat 29 syarikat panel mempunyai lesen *network facilities provider* (NFP) sejak tahun 2013 bagi melaksanakan penggantian tiang lampu sedia ada kepada tiang lampu berintegrasi sistem pemancar telekomunikasi (dwifungsi) di sekitar Kuala Lumpur.

“Segala kos penggantian tiang lampu ini ditanggung syarikat panel terbabit. Tiang lampu dwifungsi terbabit merupakan tiang lampu jalan diintegrasikan dengan pemancar telekomunikasi.

“Apa-Apa nilai kontrak atau kuantiti yang dinyatakan SCIB di luar pengetahuan DBKL,” menurutnya.

DBKL berkata, rasional pembinaan tiang lampu dwifungsi itu bagi meningkatkan perkhidmatan telekomunikasi di Kuala Lumpur kepada rangkaian 5G selaras dengan hasrat kerajaan untuk menyiapkan infrastruktur berkenaan di ibu kota secepat mungkin.

“Tujuan utama meningkatkan kualiti dan liputan perkhidmatan komunikasi tanpa wayar seterusnya pengguna di ibu negara dapat menikmati kemudahan perkhidmatan 5G,” katanya.